

# Kerajaan sementara tak dapat putuskan tuntutan PBS — Dr. Mahathir

Oleh  
**Mohd. Noor Che Mat dan Shahrizan Shahrudin**

16 OCT 1990

KUALA LUMPUR 15 Okt. — Parti Bersatu Sabah (PBS) telah membuat beberapa tuntutan yang tidak dapat diputuskan oleh kerajaan sementara menjelang pilihanraya yang sedang dihadapi sekarang.

Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata demikian sebagai mengulas pengumuman Presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan hari ini bahawa partinya keluar daripada Barisan Nasional (BN).

Ini adalah kali kedua PBS berbuat demikian.

Kali pertama ialah pada tahun 1986 menjelang pilihanraya negeri.

Perdana Menteri dalam lawatannya ke Sabah dua hari lalu menegaskan beliau tidak akan menerima mana-mana calon Bebas yang menang.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau tidak terperanjat dengan keputusan PBS itu.

Cuma ia berlaku lebih awal dari yang dijangka, tambah beliau.

Sambil menyifatkan perbuatan itu sebagai menikam dari belakang itu, Perdana Menteri berkata, kini terpulanglah kepada rakyat Semenanjung sama ada mahu menjadi suara yang tidak berkesan kerana berpecah belah dan membiarkan PBS yang menentukan nasib mereka.

Menurutnya, beliau sudah meragui kesetiaan PBS sejak awal-awal lagi tetapi enggan membuat sebarang ramalan.

Bagaimanapun, kini apa yang dijangka itu sudah berlaku, katanya dalam satu sidang akhbar tergepang selepas menyaksikan persembahan penutup Teleton Jantung Hatiku di Angkasapuri lewat malam ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, sebelum bertolak ke Sabah dua hari lalu,

**LIHAT MUKA 2**

## ~~KERAJAAN SEMENTARA TAK DAPAT PUTUSKAN~~

Datuk Pairin telah menelefonnya meminta beliau menunda lawatan itu.

Saya kata tak bolehlah kerana USNO mahu saya ke Sabah.

Selepas itu dia kata dia nak wet (semakan) ucapan saya.

Saya kata tak bolehlah.

Kemudian dia minta saya buat janji pula.

Saya kata tak ada janji, jelas Dato' Sri Dr. Mahathir.

Beliau berkata, antara tuntutan PBS ialah meminta Kerajaan Pusat menaikkan royalti minyaknya, kebenaran membuka siaran televisyennya sendiri dan mendirikan sebuah universiti di Sabah.

Bagaimanapun, katanya, dalam ucapannya di Sabah tempoh hari, beliau tidak menjawab ketiga-tiga permintaan Datuk Pairin itu melainkan berkata bahawa perkara ini tidak boleh diputuskan oleh beliau sendiri sehinggalah kerajaan baru dibentuk selepas pilihanraya 21 Oktober ini.

Menurutnya, jawapan itu mungkin menimbulkan perasaan tidak puas hati kepada Datuk Pairin.

Sungguhpun begitu, Ketua Menteri Sabah itu nampak mesra dengan Tun Mustapha (Presiden USNO) dan dia berjanji untuk membantu USNO dengan tidak meletakkan sebarang calon Bebas menentang parti itu.

Jelas Perdana Menteri, kini jelaslah bahawa PBS sengaja menaja calon-calon Bebas dengan tujuan menewaskan USNO dalam pilihanraya kali ini.

Sabah mempunyai 20 kerusi Parlimen, 14 darinya ditan-

dungi oleh calon PBS dan enam lagi oleh calon USNO.

Beliau berkata, PBS tertarik menyertai pakatan pembangkang kerana Gagasan Rakyat berjanji menaikkan royalti minyak kepada negeri itu.

Beliau meramalkan parti-parti pembangkang akan menjadi mewah selepas ini.

Beliau masih yakin BN akan dapat membentuk kerajaan walaupun ada tanda tanya mengenai keupayaannya mendapat majoriti dua pertiga.

Di Kota Kinabalu, Datuk Pairin ketika membuat pengisytiharan keluar dari BN hari ini memberi beberapa sebab mengapa partinya mengambil keputusan itu.

Berucap dalam satu perhimpunan di Dewan Masyarakat di sini malam ini, beliau berkata Kerajaan Pusat tidak melayan tuntutan berikut:

- Mendapatkan semula Labuan;
- Royalti minyak yang sama rata;
- Pembinaan stesen radio dan televisyen yang dikendalikan sendiri oleh kerajaan negeri;
- Kajian semula perlindungan Sabah seperti yang terkandung dalam memorandum "20 Perkara";
- Perlaksanaan dasar 'Borneonization';
- Kajian semula terhadap ISA; dan lain-lain

Datuk Pairin dengan itu mengumumkan yang PBS kini menyokong Parti Semangat 46.